

BENTUK KARAKTER

» Pelajar IPT disaran aktif sertai kegiatan luar kuliah

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kegiatan luar kuliah adalah elemen penting dalam pembentukan karakter pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) selain menjadi nilai tambah kepada mereka yang aktif menyertainya.

Menerusinya, pelajar dapat menimba pengalaman dan pengetahuan dalam kaedah berorganisasi, bekerja secara

pasukan dan memupuk kemahiran komunikasi kerana pelajar perlu sentiasa berhubung dengan pengurusan universiti dan pihak luar.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata pelajar perlu proaktif menyertai kegiatan luar kuliah kerana banyak aspek yang boleh dipelajari dan lebih banyak pengalaman dapat dilalui pelajar.

Katanya, semua aspek berkenaan akan melengkapi ilmu yang dipelajari dalam kuliah dan keseimbangan antara kedua-dua aspek akademik dan bukan akademik ini akan melahirkan pelajar yang serba boleh.

● V2

● Dari muka 1

"Kita tidak mahu pelajar hanya sekadar menjadi ulat buku semata-mata, sebaliknya mereka perlu proaktif menyertai program luar kuliah agar lebih mengambil tahu atau 'cakna' terhadap isu semasa.

"Di USIM, kita tidak menyekat inisiatif pelajar menganjurkan sesuatu program, namun mereka perlu tahu apa objektifnya selain perlu bertanggungjawab dan menjaga nama baik USIM sebagai universiti berstatuskan Islam," katanya kepada *Varsiti*, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kepentingan kegiatan luar kuliah dan pendekatan IPT dalam mengalakkan penyertaan pelajar.

Prof Musa berkata, pelajar diberi kebenaran untuk menganjurkan program sendiri dengan syarat mereka perlu menghantar cadangan kertas kerja terlebih dahulu untuk dinilai pihak univer-

siti sebelum sebarang kelulusan diberikan.

Dalam konteks ini, katanya, pelajar turut mempelajari selok-belok penganjuran sesuatu program secara menyeluruh serta pengalaman ini akan dapat dimanfaatkan apabila mengikuti latihan industri dan alam pekerjaan kelak.

Di USIM, katanya, terdapat lebih 30 persatuan atau kelab yang boleh disertai pelajar dan aktif menjalankan pelbagai kegiatan luar kuliah.

Kegiatan berstruktur

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, berkata pihaknya hanya mewajibkan pelajar menyertai kegiatan luar kuliah yang dianjurkan secara berstruktur menerusi organisasi atau persatuan mendapat kelulusan universiti.

Beliau berkata, teras pembabitan pelajar dalam aktiviti adalah berasaskan prinsip untuk melahirkan pelajar berbakat istimewa, selain membantu mem-

bentuk mereka menjadi insan berketerampilan dan memiliki personaliti unggul.

Katanya, pembabitan pelajar dalam kegiatan luar kuliah tidak boleh diketepikan memandangkan ia dapat menyumbang kepada pembentukan insan yang berperwatakan kamil.

"Sepanjang tempoh pengajian, UniMAP mewajibkan pelajar menyertai dua aktiviti iaitu penyertaan pasukan beruniform dan mengikuti program '7i-Pillars' yang terdiri daripada tujuh aktiviti tersusun yang dijalankan dalam tempoh pengajian masing-masing.

"Penganjuran aktiviti '7i-Pillars' juga tidak membebankan pelajar memandangkan elemen 'i' iaitu inovasi boleh diselaraskan di dalam waktu pengajaran dan pembelajaran.

"Antara program 7i-Pillars" ialah program wacana sosial, etika dan keterampilan, program khidmat masyarakat, kepimpinan, karnival kerjaya, program riadah berjalan kaki dan inovasi," katanya.



“

DI USIM, TERDAPAT LEBIH 30 PERSATUAN ATAU KELAB YANG BOLEH DISERTAI PELAJAR DAN AKTIF MENJALANKAN PELBAGAI KEGIATAN LUAR KULIAH”

Prof Datuk
Dr Musa Ahmad,
Naib Canselor USIM



“

PEMBABITAN PELAJAR DALAM KEGIATAN LUAR KULIAH TIDAK BOLEH DIKETEPIKAN MEMANDANGKAN IA DAPAT MENYUMBANG KEPADA PEMBENTUKAN INSAN YANG BERPERWATAKAN KAMIL”

Prof Datuk
Dr Kamarudin Hussin,
Naib Canselor UniMAP